

Risiko hamil ketika remaja

REMAJA hamil merupakan masalah besar di negara maju dan membangun. Amerika Syarikat, yang mempunyai kadar remaja hamil, kelahiran dan pengguguran paling tinggi di dunia di kalangan negara-negara maju, telah melancarkan kempen mencegah kehamilan remaja di seluruh negara pada 1996. Begitu pun, kadar remaja hamil dan kadar kelahiran di AS terus tinggi berbanding negara maju lain, iaitu hampir sekali ganda berbanding Kanada, sekurang-kurangnya empat kali ganda dari Perancis dan Jerman, dan lebih lapan kali ganda berbanding Jepun.

Malaysia juga tidak terkecuali daripada masalah ini. Walaupun tidak ada statistik tepat mengenai remaja hamil, tetapi umum mengetahui kewujudannya dan kadangkala terbaca mengenai bayi-bayi yang dibuang di merata-rata tempat - lazimnya oleh wanita yang melahirkan anak di luar nikah.

Pakar obstetrik dan ginekologi di sebuah hospital swasta, **Dr. Zamri Abdul Rahim** berpendapat, fenomena remaja hamil meningkat selari dengan kemajuan sesebuah negara yang mengubah gaya hidup masyarakatnya. "Kehidupan penuh persaingan ini menyebabkan ibu bapa selalu tidak mempunyai masa untuk menjaga anak-anak."

Hamil pada usia muda, tambah beliau, menimbulkan banyak tekanan bukan sahaja kepada remaja berkenaan, tetapi juga kepada ibu bapa kerana latar belakang sosial dan budaya di sini.

"Dari segi psikologinya, remaja itu belum bersedia untuk hamil. Masalah remaja hamil tidak sama dengan kehamilan pasangan yang sudah berkahwin dan memerlukan pendekatan yang berbeza.

"Kita tidak boleh ikut apa yang Barat lakukan. Seseengah budaya dapat menerima kehadiran bayi tanpa bapa, tetapi kita tidak. Di Barat, ibu tunggal itu mungkin mendapat pelbagai bentuk bantuan, dan masih berpeluang meneruskan pembelajarannya. Bukan suatu perkara pelik kalau seseorang gadis membawa bayinya ke kolej.

"Masyarakat kita sukar menerima keadaan begini. Kerana itu, doktor perlu berhati-hati dalam menangani masalah ini kerana kita bukan hanya merawat pesakit berkenaan, tetapi seluruh keluarganya," tegas Dr. Zamri.

Menurut beliau, apa yang paling penting bagi remaja

yang hamil ialah sokongan orang sekelilingnya seperti keluarga dan doktor. Bersandar kepada sokongan itu, remaja berkenaan dapat membuat keputusan yang wajar mengenai bayi dan kehidupannya.

"Sebahagian besar remaja yang hamil ini sebenarnya belum bersedia dari segi psikologinya untuk menjaga bayi. Lantaran itu, kita tidak begitu menggalakkan dia menjaga bayinya, sebaiknya bayi tersebut diserahkan untuk dijadikan anak angkat.

"Bagaimanapun, pilihan terakhir tetap terletak kepada ibu bayi tersebut. Kalau dia memilih untuk menjaga bayinya, biasanya remaja itu mendapat sokongan daripada ibunya, iaitu nenek bayi tersebut, yang akan memeliharanya."

Apabila remaja mula datang haid (*menarche*), potensi untuk mereka hamil ada tetapi selalunya kualiti telur pada peringkat awal haid ini tidak begitu baik. Kehamilan paling kerap berlaku di kalangan remaja berusia 17, 18 dan 19 tahun kerana ia merupakan tempoh paling subur remaja, ditambah lagi waktu itulah mereka mula belajar bersosial.

"Usia 24 hingga 35 tahun dianggap masa yang sesuai untuk hamil. Tapi sekarang ini, banyak wanita yang lambat berkahwin kerana 'rat race', pendidikan dan status sosial. Oleh

itu, mereka akan hamil lebih lambat dan masalah mereka ketika itu mungkin kesuburan," katanya.

TIGA PERINGKAT PENGURUSAN KEHAMILAN

A. Antenatal (sebelum bersalin)

Apabila hamil, sebahagian besar remaja yang mengalami keadaan ini sebenarnya belum lagi bersedia dari segi psikologi. Oleh itu, mereka mengabaikan temu janji dengan doktor dan hanya datang apabila kandungannya sudah besar.

"Bila mengandung, ada kalanya remaja itu malu untuk datang berjumpa doktor. Jadi, mereka tidak melakukan pemeriksaan secara tetap, selain doktor pula mungkin kurang prihatin. Ini menyebabkan remaja itu tidak mendapat pemeriksaan *antenatal* yang sewajarnya.

"Mereka ini juga kadangkala mempunyai banyak masalah - merokok, minum minuman keras, hisap dadah dan lebih malang lagi kalau latar belakang ekonominya



DR. ZAMRI ABDUL RAHIM

tidak baik. Lalu mereka tidak mendapat makanan dan vitamin yang diperlukan pada peringkat awal kehamilan. Ini menyebabkan bayi mereka kecil semasa dilahirkan ataupun lahir sebelum masanya (*preterm birth*)," ujar Dr. Zamri.

Sekiranya remaja itu meminum minuman keras, bayinya mungkin dilahirkan 'abnormal' dan mempunyai sindrom alkohol. Jika dia menagih dadah, selain bayi yang kecil, risiko jangkitan dan keguguran bayi juga meningkat.

Andai kata remaja itu masih bersekolah, kehamilan akan menyebabkan pembelajarannya terganggu dan sekali gus menjejaskan kehidupannya. Atas sebab ini, banyak daripada mereka bertindak menggugurkan kandungan di tempat yang melakukan pengguguran secara haram.

"Tempat-tempat ini bukan sahaja mengenakan kos yang tinggi, malah ia juga berbahaya kerana risiko jangkitannya adalah tinggi. Apa-apa saja boleh berlaku kepada remaja berkenaan," katanya.

Dari pandangan doktor, adalah penting untuk mereka mengetahui siapa pasangan remaja itu dan bapa kepada bayinya. Kalau remaja itu mempunyai banyak pasangan sehingga sukar mengetahui siapa bapa kepada bayinya, maka dia dan bayinya lebih terdedah kepada risiko jangkitan.

"Kalau sebaliknya, katakan pasangannya lebih tua dan mempunyai pasangan wanita lain, kemungkinan berlakunya jangkitan jua ada," tambahnya.

Apabila kandungannya hampir sampai masa (*full-term*), remaja berkenaan kadangkala tidak mengambil kisah akan bayinya. Hakikatnya mereka risau mengenai siapa yang akan menjaga bayi itu dan bagaimana mereka akan melahirkannya.

B. Intranatal (masa bersalin)

Semasa proses kelahiran, sebagaimana wanita hamil lain, remaja itu akan terdedah kepada pelbagai komplikasi. Jika bayinya besar, atau tidak turun ke salur peranakan, bantuan peralatan diperlukan dan ini akan menyebabkan koyakan pada dinding vagina. Ataupun bayi lemas dan terpaksa dilakukan pembedahan.

"Kita (doktor) akan cuba sedaya upaya agar si ibu melahirkan anak secara normal, melainkan ada komplikasi seperti bayi lemas atau ibu memang tidak boleh melahirkan secara normal," tegas Dr. Zamri.

"Ada beberapa sebab kenapa kelahiran secara normal diutamakan, terpenting sekali agar proses itu tidak meninggalkan parut. Ini bagi mengelakkan pelbagai pertanyaan mengenai parut, terutamanya parut pembedahan 'caesarian section', bila mereka hendak berumah tangga," katanya.

Selamat dengan pengetahuan ini, remaja akan meneruskan kehamilan mereka dan tidak 'membuang' bayinya dengan cara yang boleh membahayakan dirinya juga, terutama kalau usia kandungan itu sudah besar.

Selalunya, kata Dr. Zamri, proses 'labour' (sakit hendak bersalin) di kalangan remaja adalah singkat. "Kita tidak tahu apa sebabnya... tapi mungkin disebabkan otot rahim mereka masih kuat. Jadi proses kelahiran lebih mudah dan cepat."

C. Postnatal (selepas bersalin)

Banyak kajian menunjukkan remaja yang baru melahirkan anak melalui saat kemurung-

an kerana memikirkan mereka mempunyai beban baru yang perlu dipikul. Selain itu, mereka turut mengalami 'post-partum blues' yang berkaitan dengan penjagaan selepas kehamilan (waktu dalam pantang).

"Sekalipun melahirkan anak secara normal, masih ada jahitan pada vagina mereka perlu dijaga agar tidak terkena jangkitan. Doktor juga perlu memastikan uterusnya mengcut dengan betul, tidak berlaku pendarahan yang berpanjangan. Kerana itu kita perlu bertemu remaja itu selepas sebulan untuk melihat keadaannya," kata Dr. Zamri.

Paling penting ialah sokongan psikologi yang perlu diberikan kepada remaja itu. Tanpa sokongan ini, remaja mungkin mengambil tindakan terdesak dengan membuang bayinya.

"Pilihan tetap ada pada remaja itu. Jika dia bersetuju menyerahkan bayinya untuk dijadikan anak angkat, kami tidak begitu menggalakkan dia menyusukan bayi kerana tidak mahu berlaku ikatan (*bonding*) antara ibu dan bayi. Lagipun ia mungkin menimbulkan masalah dari segi agama (ibu susuan). Kami akan memberi ubat kepada remaja itu untuk menghentikan pengeluaran susu.

"Kalau dia memilih untuk memelihara bayinya, kami akan memberi nasihat kepadanya dari segi perubatan dan psikologi yang mungkin belum difikirkannya seperti adakah dia mempunyai sumber kewangan yang stabil; siapa yang akan membantu memelihara anaknya, jika dia masih bersekolah; adakah dia bersedia menjawab soalan anaknya apabila dewasa mengenai siapa bapanya dan pelbagai lagi," jelasnya.

Beliau bagaimanapun berpendapat, adalah lebih baik bagi remaja itu menyerahkan bayinya kepada keluarga angkat daripada menjaganya sendiri.

"Budaya kita tidak dapat menerima kehadiran bayi tanpa bapa. Mereka remaja dan masih berpeluang meneruskan pembelajaran. Kalau dibebani anak, mungkin sukar bagi dia untuk bertemu rakan-rakan, meneruskan pengajian dan menunjukkan prestasi yang baik dalam pelajarannya.

"Biarlah orang lain menjaga anaknya dan dia meneruskan kehidupannya. Itu yang kami rasakan cara terbaik," ujarnya. W

RISIKO PADA IBU REMAJA

- anemia
- darah tinggi, yang disebabkan oleh kehamilan
- bayi kurang berat badan ketika dilahirkan

RISIKO KEPADA BAYI

- kurang berat badan ketika lahir, yang meningkatkan kemungkinan bayi mati ketika dilahirkan, buta, pekak, masalah respiratori yang kronik, terencat akal, masalah mental dan palsi serebrum
- risiko kematian bayi lebih tinggi kerana remaja tidak begitu prihatin semasa mengasuh bayi

Mengapa hamil ketika remaja perlu dielakkan (berdasarkan kajian di AS):

- Kadar kelahiran bayi yang kurang berat badan adalah 28 peratus lebih tinggi di kalangan ibu remaja berbanding ibu yang berusia 20-24 tahun.
- Kadar kematian ibu-ibu muda (terutama yang bawah 15 tahun) adalah 2.5 kali ganda lebih tinggi daripada ibu-ibu berusia 20-24 tahun.
- Kes-kes penderaan dan pengabaian lebih tinggi di kalangan keluarga yang diketuai oleh ibu muda (110 kes dalam setiap 1,000) berbanding keluarga yang ibunya berusia awal 20an (51 kes dalam setiap 1,000).